

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Tujuh

### **Makna Intrinsik bagi Bahan-bahan dalam Bait**

Bacaan Bible: 1 Raj. 5:15-18; 6:7, 9-10, 15-16, 23, 31-34, 36; 7:14-15, 21

#### **I. Untuk menjadi bahan bagi pembinaan Tuhan, kita perlu mengalami Kristus dalam kematian-Nya (dilambangkan kayu sanubar), Kristus dalam kebangkitan-Nya (dilambangkan kayu araz), dan Kristus sebagai Roh itu (dilambangkan kayu zaitun):**

- A. Kristus yang tersalib dan bangkit, yang merupakan Roh Yesus Kristus yang almuhit serta hadirat Tuhan Tritunggal yang terproses, ialah realiti bagi bahan-bahan untuk pembinaan gereja sebagai bait Tuhan, iaitu pembesaran dan perluasan Kristus—Flp. 1:19-21a; 1 Kor. 3:9, 12a, 16-17.
- B. Kita perlu membenarkan Kristus yang tersalib dan bangkit sebagai Roh itu membina diri-Nya ke dalam diri kita agar kita dapat mempunyai kenikmatan yang paling penuh terhadap Kristus untuk menjadi penyelenggara yang baik bagi pelbagai kurnia Tuhan (bekalan hayat yang kaya) demi membina gereja sebagai bait Tuhan—Ef. 3:2, 16-17; 1 Ptr. 4:10-11.

#### **II. Kayu sanubar menandakan Kristus yang tersalib—1 Raj. 6:15b, 34; bd. Kej. 6:14:**

- A. Pada zaman dahulu, orang Yahudi menanam pohon sanubar di atas kubur mereka; oleh itu, kayu sanubar menandakan keinsanan Kristus dalam kematian-Nya, iaitu Yesus yang tersalib—1 Kor. 2:2.
- B. Pintu-pintu bait diperbuat daripada kayu sanubar dan diukir dengan kerubim dan pohon palma—1 Raj. 6:34-35; bd. Yeh. 41:18-20:
  1. Kerubim menandakan kemuliaan Tuan yang termanifestasi pada makhluk ciptaan (10:18; Ibr. 9:5), sedangkan pohon palma menandakan kemenangan Kristus dan kudrat Kristus yang berkekalan dan kekal-wujud (Yeh. 40:16; Wahi 7:9).
  2. Pengukiran pohon palma dan kerubim pada pintu daripada kayu sanubar menandakan bahawa kemenangan Kristus dan kemuliaan Tuan telah “diukir” ke dalam diri kita menerusi penderitaan—Kis. 16:7; Flp. 3:10; 2 Kor. 4:10-12.

#### **III. Kayu araz menandakan Kristus yang bangkit—1 Raj. 6:9-10, 15-16, 36:**

- A. Pohon araz tumbuh di gunung-gunung Lebanon; oleh itu, kayu araz menandakan keinsanan Kristus dalam kebangkitan, yakni Kristus yang bangkit—Mzm. 104:16; Kid. 4:8.
- B. Kristus yang bangkit dan naik ke syurga sebagai Raja ialah pohon araz yang maha besar dan agung yang berasal daripada kerabat Daud—Yeh. 17:22-23; Roma 1:3-4; Kis. 2:22-24, 32-36; Ibr. 2:9.
- C. Kita perlu menjadi orang yang memanjangkan akar kita ke dalam Kristus, umpama pohon araz di Lebanon, supaya kita bertumbuh dalam hayat apabila kita ditanam di rumah Yehova, bertumbuh subur di halaman-halaman Tuhan kita, tetap akan berbuah pada usia tua, serta penuh dengan getah dan kehijauan—Hos. 14:5-9; Mzm. 92:12-14; 2 Raj. 19:30.
- D. Gereja ialah tempat simpanan dan gudang bagi kudrat kebangkitan Kristus; apabila kudrat ini beroperasi dalam Kristus, kudrat ini menjadikan Dia Kepala; apabila kudrat ini beroperasi dalam kita, kudrat ini menjadikan kita Tubuh-Nya—Ef. 1:19-23; Roma 8:2, 11; 12:1-2; Flp. 3:10.

#### **IV. Kayu zaitun menandakan Kristus yang ditransform menjadi Roh berihayat—1 Raj. 6:23, 31-33; 1 Kor. 15:45b:**

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Tujuh (sambungan)

- A. Minyak zaitun mentamsilkan Roh Tuhan; oleh itu, kayu zaitun menandakan keinsanan Kristus dalam Roh Tuhan, iaitu Kristus yang diurapi, yang juga merupakan Roh majmuk sebagai pengurapan—Ibr. 1:9; 2 Kor. 1:21; 1 Yoh. 2:20, 27; Kel. 30:25, 30.
- B. Kita ialah ranting-ranting Kristus yang telah dicantumkan ke dalam Dia yang merupakan pohon zaitun yang ditanam untuk menikmati-Nya (Roma 11:17, 24); Roh beri-hayat ialah jus-hayat Kristus yang merupakan pohon zaitun syurgawi; jika kita ingin berbahagian dalam kekayaan Kristus, iaitu kesuburan, getah, bagi pohon zaitun syurgawi, kita perlu menghubungi Roh beri-hayat, yakni jus-hayat Kristus (Luk. 23:31; bd. Mzm. 92:13-14; 36:8-9):
  - 1. Oleh sebab pencantuman kita dengan Kristus berlaku dalam roh kita, maka kita perlu sentiasa melatih roh; apabila kita menyeru Tuan dengan berkata, “O Tuan, O Tuan,” kita melatih roh dan dengan segera kita berbahagian dalam Tuan yang merupakan Roh beri-hayat—Roma 8:16; 1 Kor. 6:17; Roma 10:9-13.
  - 2. Satu lagi cara untuk kita menikmati kekayaan Kristus ialah membaca Sabda Tuhan, dan berkata Amen kepada setiap perkataan; dengan cara ini, kita melatih roh, menghubungi Tuan, menikmati-Nya, dan berbahagian dalam Roh almuhit yang merupakan kesuburan—Mzm. 106:48; Neh. 8:6; 2 Kor. 1:20; Wahi 19:4; Ef. 6:17-18.
- C. Kita perlu melihat bahawa kita telah dicantumkan “bertentangan dengan sifat sejadi” ke dalam Kristus; *bertentangan dengan sifat sejadi* bermaksud “bertentangan dengan diri”—Roma 11:24:
  - 1. Segala-gala daripada sifat lama kita bercanggah dengan sifat Tuan; sifat kita ialah sifat yang berdosa, manakala sifat Tuan ialah sifat yang divin, rohani, dan kudus—Gal. 5:16-17; 2 Ptr. 1:4.
  - 2. Untuk berbahagian dalam Kristus sebagai pohon zaitun berserta kekayaan-Nya, kita sebagai ranting-ranting liar perlu dipotong secara tuntas daripada latar belakang lama, sejarah lama, hayat lama, tabiat lama, dan adat lama kita—Roma 11:24; bd. Ef. 4:22-24.
  - 3. Untuk mengalami pemotongan cara hidup lama kita dan menikmati pengalaman dicantumkan ke dalam Kristus, kita perlu melatih roh kita untuk menyeru nama-Nya dan mendoa-baca Sabda-Nya—Roma 10:6-8; Ef. 6:17-18.
- D. Roma 11 mewahikan bahawa kita ialah ranting-ranting bagi Kristus yang merupakan pohon zaitun (ay. 17, 24) untuk membuatkan “zaitun” dan menghasilkan minyak yang melegakan (menandakan Roh Kudus); Yohanes 15 mewahikan bahawa kita ialah ranting-ranting bagi Kristus yang merupakan pohon anggur (ay. 5) untuk membuatkan “anggur” bagi menghasilkan wain yang menyegarkan (menandakan hayat divin); dan dalam Lukas 10, orang Samaria yang baik memnuangkan minyak dan wain pada luka seorang yang hampir mati (ay. 33-34):
  - 1. Minyak bersama-sama wain menjadi penyembuhan bagi orang; semakin kita tinggal dalam Tuan dengan menyeru Tuan dan mendoa-baca Sabda-Nya, semakin kita akan membuatkan “zaitun” dan “anggur” bagi menghasilkan minyak dan wain untuk dituangkan pada orang yang terluka secara dalaman dan yang tertekan serta kecewa.
  - 2. Minyak daripada pohon zaitun digunakan untuk menghormati Tuhan dan manusia (Hak. 9:8-9), menandakan bahawa orang yang bergerak-hidup melalui Roh itu menghormati Tuhan (Gal. 5:16, 25), dan orang yang meministerkan Roh itu menghormati manusia (2 Kor. 3:6, 8; Flp. 3:3).

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

### Mesej Tujuh (sambungan)

3. Wain daripada pohon anggur digunakan untuk menceriakan Tuhan dan manusia (Hak. 9:12-13), menandakan bahawa orang yang menikmati Kristus sebagai hayat yang mengorbankan diri dan menyegarkan itu menceriakan Tuhan (Mat. 9:17), dan menandakan bahawa orang yang meministerkan Kristus sebagai hayat yang mengorbankan diri dan menyegarkan itu menceriakan manusia (2 Kor. 3:6; Flp. 2:17; 2 Tim. 4:6).

#### **V. Tiang di dalam bait dibina daripada tembaga, yang menandakan penghakiman Tuhan—1 Raj. 7:14-15, 21; Wahi 3:12; 21:22:**

- A. Dalam Bible, tiang merupakan satu tanda, satu kesaksian, bagi pembinaan Tuhan menerusi transformasi ketika mengamalkan kehidupan Tubuh—Kej. 28:22a; 1 Raj. 7:15-22; Gal. 2:9; 1 Tim. 3:15; Wahi 3:12; Roma 12:2; Ef. 4:11-12.
- B. Orang yang berguna kepada Tuhan sentiasa berada di bawah penghakiman Tuhan (tembaga), dengan menyedari bahawa mereka orang dalam tubuh daging, tidak bernilai langsung melainkan mati dan dikebumikan—Mzm. 51:5; Kel. 4:1-9; Roma 7:18; Mat. 3:16-17:
  1. Perpecahan dan keadaan tidak berbuah dalam kalangan percayawan disebabkan tidak adanya tembaga, tidak ada apa-apa yang melalui penghakiman Tuhan; sebaliknya, terdapat kesombongan, kemegahan diri, pembelaan diri, justifikasi diri, pengujilulusan diri, alasan diri, keadilbenaran diri, pengutukan dan kawalan terhadap orang lain, bukannya menggembala dan mencari mereka—16:24; Luk. 9:54-55.
  2. Apabila kita mengasihi Tuan dan mengalami Dia sebagai manusia tembaga (Yeh. 40:3), Dia akan menjadi kasih kita yang luar biasa, sabar-toleran yang tidak terbatas, kesetiaan yang tidak ada tandingannya, kerendahan hati yang mutlak, kemurnian yang terulung, kekudusan dan keadilbenaran yang tertinggi, serta keterangan dan ketulusan kita (Flp. 4:5-8).
- C. Pada junjung tiang di dalam bait terdapat “jaring-jaring berpetak-petak [seperti kerangka jalanan] dengan lingkaran rantai”; ini menandakan keadaan yang rumit dan bercampur aduk; dalam keadaan inilah orang yang menjadi tiang dalam binaan Tuhan itu hidup dan memikul tanggungjawab (1 Raj. 7:17; 2 Kor. 1:12; 4:7-8); di kepala junjung terdapat bunga bakung dan buah delima (1 Raj. 7:18-20):
  1. Bunga bakung menandakan kehidupan iktikad dalam Tuhan, kehidupan yang hidup melalui apanya Tuhan bagi kita, bukan melalui apanya kita; tembaga bermakna “bukan aku”, manakala bunga bakung bermakna “tetapi Kristus”—Kid. 2:1-2; Mat. 6:28, 30; 2 Kor. 5:4; Gal. 2:20.
  2. Buah delima pada lingkaran junjung menandakan kepenuhan, kelimpahan dan kecantikan, serta ekspresikekayaan Kristus sebagai hayat—Flp. 1:19-21a; Ef. 1:22-23; 3:19.
  3. Menerusi penyaliban daripada jaringan dan pengehadan daripada lingkaran rantai, kita dapat menjalani kehidupan yang murni dan simpal, yang menaruh keyakinan kepada Tuhan untuk mengekspresikan kekayaan hayat divin Kristus demi pembinaan Tuhan dalam hayat.

#### **VI. Batu di dalam bait menandakan keinsanan Kristus dalam transformasi, yakni Kristus yang ditransform—1 Raj. 5:15-18; 6:7, 36; 1 Taw. 29:2; 2 Taw. 3:6:**

- A. Sebagai Tuhan, Kristus dalam inkarnasi-Nya mengenakan tubuh daging manusia; memandangkan Dia menjadi manusia dalam tubuh daging, iaitu manusia dalam ciptaan lama, maka bahagian insani-Nya perlu ditransform—Roma 1:3-4.

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Tujuh (sambungan)

- B. Kristus yang ditransform ini kini ialah batu hidup, batu asas, batu penjuru, dan batu puncak dalam pembinaan Tuhan—1 Ptr. 2:4; Yes. 28:16; 1 Kor. 3:11; Ef. 2:20; 1 Ptr. 2:6; Za. 4:7; 3:9; Wahi 5:6; 4:3; 21:11.
  - C. Batu di dalam bait juga menandakan percayawan dalam Kristus yang ditransform oleh Kristus yang merupakan batu—Mat. 16:18; Yoh. 1:42; 1 Ptr. 2:4-7; Wahi 21:11, 14, 18-21; bd. Dan. 2:34-35, 44-45.
  - D. Wasiat Baru berbicara tentang batu-batu hidup (1 Ptr. 2:5), dan Wasiat Lama berbicara tentang batu-batu yang dipahat (1 Raj. 5:15, 17-18; 6:7); batu-batu yang digunakan untuk pembinaan gereja haruslah hidup di dalam dan dipahat (ditanggulangi) di luar (2 Kor. 4:16):
    1. Sesetengah dikbang dan dikkak dalam gereja bagaikan batu-batu “liar” yang baru dipahat dari kuari dan penuh dengan penjuru yang tajam; apabila orang menghubungi mereka, mereka akan menyebabkan orang lain terluka dan menyebabkan orang berasa tidak selesa.
    2. Mereka tidak cukup kukuh dan tidak dapat dibina; mereka tidak dapat berkoordinasi dan melayan bersama dengan orang lain, bertempur dalam perangan bersama dengan orang lain, atau memikul Tabut bersama dengan orang lain.
- VII. **Hayat orang Kristian yang sebenar untuk pembinaan gereja sebagai bait Tuhan ialah hayat Kristus yang tersalib dan bangkit; Dia sebagai Roh berihayat dibina ke dalam diri kita supaya kita dikonform kepada kematian-Nya melalui kudrat kebangkitan-Nya untuk diperbarui hari demi hari dan ditransform daripada kemuliaan kepada kemuliaan demi kemuliaan-Nya dalam gereja—Flp. 3:10; 2 Kor. 3:18; 4:16-18; Ef. 3:21.**